SAHIH AL-BUKHARI KITAB PALING SAHIH SELEPAS AL-QURAN: PANDANGAN ULAMA TENTANGNYA[1]

Oleh:
Mohd. Khafidz Bin Soroni
Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

بسم الله والحمد لله والصلاة والسلام على سيدنا رسول الله

وعلى آله وصحبه ومن اهتدى بهداه.

i. BIOGRAFI IMAM AL-BUKHARI (194H - 256H)

- Nama penuh beliau; Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim bin Al-Mughirah bin Bardizbah al-Ju'fi al-Bukhari. Beliau dilahirkan pada hari Jumaat setelah solat Jumaat 13 Syawwal 194 H di Bukhara.
- Imam al-Bukhari gigih menimba ilmu sejak kecil. Pada masa kecilnya beliau merupakan seorang kanak-kanak yang pintar. Beliau telah mula mempelajari hadis sejak dari umur 10 tahun. Beliau telah mempelajari hadis dari ramai ulama hadis pada masa itu. Pada usia 16 tahun, beliau telah pun menghafal kitab-kitab hadis koleksi Ibnu al-Mubarak dan Waki'. Pada umurnya 18 tahun, beliau telah menulis mengenai *qadiyyah* sahabat dan tabi`in, selepas itu beliau menulis kitab *al-Tarikh*.
- Beliau pernah bermukim di Hijaz selama dua tahun. Beliau juga pernah ke Syam, Mesir, al-Basrah, al-Kufah dan Baghdad serta ke Khurasan.
- Beliau telah berguru dan mempelajari hadis daripada lebih dari 1,080 orang ulama.
- Kata Imam al-Bukhari:

  «أَحْفَظُ مِائَةَ أَلْفَ حَدِيثٍ صَحِيحٍ، وَأَحْفَظُ مِائَتَيْ أَلْفَ حَدِيثٍ غَيْرَ صَحِيحٍ».

  Terjemahan: "Aku menghafal 100,000 hadis sahih dan juga menghafal 200,000 hadis yang tidak sahih."
- Imam al-Bukhari mempunyai ilmu yang amat luas dalam bidang hadis sehingga beliau digelar (أمير المؤمنين فى الحديث) "Ketua orang mukminin dalam ilmu hadis".
- Beliau telah mengarang lebih dari 20 buah kitab. Antaranya:
  1. Al-Jami' al-Sahih (الجامع الصحيح)
  2. Al-Tarikh al-Kabir (التاريخ الكبير)

[1] Kertas kerja dibentangkan di SEMINAR TOKOH ULAMA ANTARABANGSA AL IMAM AL BUKHARI di Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara, Negeri Sembilan anjuran Kolej Islam As-Sofa bersama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dengan kerjasama Yayasan Sofa Negeri Sembilan dan Sofa Education Group pada 30 Julai 2016 (Sabtu).

3. Al-Tarikh al-Awsat (التاريخ الأوسط)
4. Al-Tarikh al-Saghir (التاريخ الصغير)
5. Al-Jami' al-Kabir (الجامع الكبير)
6. Al-Jami' al-Saghir (الجامع الصغير)
7. Kitab Masyyakhah (كتاب مشيخة)
8. Kitab Asami al-Sahabah (أسامى الصحابة)
9. Al-Adab al-Mufrad (الأدب لمفرد)
10. Kitab Al-Wuhdan (كتاب الوحدان)
11. Kitab al-'Ilal (كتاب العلل)
12. Kitab al-Asma' wa al-Kuna (كتاب الأسماء والكنى)
13. Kitab al-Fawa'id (كتاب الفوائد)
14. Kitab al-Dhu'afa' (كتاب الضعفاء)
15. Al-Musnad al-Kabir (المسند الكبير)
16. Al-Tafsir al-Kabir (التفسير الكبير)
17. Kitab al-Mabsut (كتاب المبسوط)
18. Khalq Af'al al-'Ibad (خلق أفعال العباد)
19. Al-Radd 'ala al-Jahmiyyah (الرد على الجهمية)
20. Kitab Qadhaya al-Sahabah wa al-Tabi'in (قضايا الصحابة والتابعين)
21. Kitab Sunan al-Fuqaha' (سنن الفقهاء)
22. Al-Qira'ah Khalfa al-Imam (قراءة خلف الإمام)
23. Raf'u al-Yadain fi al-Solah (رفع اليدين فى الصلاة)
24. Kitab al-Asyribah (كتاب الأشربة)
25. Kitab al-Hibah (كتاب الهبة)
26. Birr al-Walidayn (بر الوالدين)

- Karya-karya Imam al-Bukhari sangat penting dalam ilmu hadis, tetapi yang paling terkenal adalah kitab *al-Jami' as-Sahih* yang lebih popular dengan sebutan *'Sahih al-Bukhari*'. Kitab ini mulai ditulis ketika beliau berada di Masjidil Haram, Makkah. Judul-judul babnya (*tarajim*) pula dikemas kini semasa beliau berada di Masjid Nabawi, Madinah antara kubur dan minbar Nabi SAW.
- Pada bahagian akhir hayatnya, Imam al-Bukhari keluar menuju Samarkand. Tiba di Khartank, sebuah desa kecil sebelum Samarkand, ia singgah untuk mengunjungi beberapa kerabatnya. Namun, di sana beliau jatuh sakit selama beberapa hari. Dan akhirnya beliau meninggal pada hari Sabtu, tanggal 31 Ogos 870M (256H) pada malam Idul Fitri dalam usia 62 tahun kurang 13 hari. Beliau dimakamkan selepas solat Zohor pada Hari Raya Idul Fitri *rahimahullah*.

ii. KITAB *SAHIH AL-BUKHARI*

Kitab *Sahih al-Bukhari* atau judul penuhnya '*al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasul Allah s.a.w. wa Sunanih wa Ayyamih*'[2] merupakan sebuah kitab yang unggul dan utama di dalam disiplin ilmu Islam selepas al-Quran al-Karim. Imam al-Bukhari hanya mengumpulkan hadis-hadis yang sahih sahaja di dalam kitabnya ini. Antara faktor pendorongnya ialah kerana beliau melihat belum ada lagi kitab yang khusus

---

[2] Lihat: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1993, *Tahqiq Ismay al-Sahihayn wa Ism Jami' al-Tirmidhi*, Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.

mengumpulkan hadis-hadis sahih semata-mata yang tidak diragui lagi kesahihannya. Azamnya bertambah kuat apabila gurunya, Imam Ishaq bin Rahuyah[3] telah mendorong murid-muridnya untuk menghimpunkan hadis-hadis sahih dengan katanya: "Kalaulah kalian dapat menghimpunkan sebuah kitab yang ringkas khusus untuk hadis-hadis Rasulullah SAW yang sahih sahaja". Berkata Imam al-Bukhari: "Kata-kata itu melekat di hatiku, lalu aku pun mula menghimpunkan kitab *al-Jami' al-Sahih*".[4]

Diriwayatkan dengan sanad yang sabit bahawa Imam al-Bukhari telah bermimpi berjumpa dengan Rasulullah S.A.W. katanya: "Seolah-olah aku berada di hadapan baginda dan di tanganku ada satu kipas, yang mana aku gunakan untuk menepis bagi mempertahankan baginda. Lalu aku bertanya kepada *ahl ta'bir*, maka beliau berkata kepadaku: Engkau menepis pendustaan yang datang kepada Rasulullah S.A.W. Mimpi itu telah mendorong aku untuk menghasilkan *al-Jami' al-Sahih"*.[5]

Sahih al-Bukhari telah dikarang oleh Imam al-Bukhari dalam tempoh selama 16 tahun. Imam al-Bukhari mengatakan, "Aku menyusun kitab *al-Jami'* (*Sahih al-Bukhari*) ini dari enam ratus ribu hadis (600,000) yang telah aku dapatkan dalam waktu enam belas tahun dan aku akan menjadikannya sebagai hujjah antara diriku dengan Allah." (*Hadyu Sari*, hal. 656)

Setiap hadis yang dimasukkan ke dalam Sahihnya ini adalah hadis yang telah diyakini sahihnya. Beliau berkata: "Aku tidak keluarkan di dalam kitab ini melainkan yang sahih sahaja dan hadis sahih lain yang aku tinggalkan lebih banyak lagi" (al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 9). Beliau juga terlebih dahulu beristikharah kepada Allah SWT dengan bersembahyang dua rakaat. Katanya:

صنفت كتابي الجامع في المسجد الحرام وما أدخلت فيه حديثا حتى استخرت الله تعالى وصليت ركعتين وتيقنت صحته.

"Aku mula menyusun kitab *al-Jami'* ini di Masjidil Haram dan aku tidak memasukkan di dalamnya satu hadis pun sehinggalah aku beristikharah kepada Allah Taala serta bersolat dua rakaat dahulu dan aku yakin kesahihannya". (Ibn Hajar, 1: 513)

Beliau berkata lagi:

ما كتبت في كتاب الصحيح حديثا إلا اغتسلت قبل ذلك وصليت ركعتين .

"Aku tidak tulis satu hadis pun di dalam kitab *as-Sahih* ini melainkan aku mandi dahulu sebelum itu dan bersolat dua rakaat". (Ibn Hajar, 1: 9 & 513)

Imam al-Bukhari mengaplikasikan syarat "*thubut al-liqa*" (sabit bertemu/berjumpa/bersemuka dengan syeikh secara langsung) terhadap perawi-perawi dalam kitab *Sahih*nya dalam memastikan persambungan antara perawi dengan guru di dalam sanad. Imam al-Bukhari menetapkan bahawa sekiranya periwayatan perawi dengan *sighah al-mu'an'an* (nukilan secara daripada) didapati tidak menepati syarat "*thubut al-liqa*", maka sanad tersebut diketepikan dan dikira ada kemungkinan terputus. Jika ada bukti "*thubut al-liqa*" walaupun sekali, barulah sesuatu riwayat itu diterima.

---

[3] Sebutan "*Rahuyah*" adalah sebutan *ahl al-Hadith*, manakala sebutan "*Rahawaih*" adalah sebutan *ahl al-Lughah*.

[4] Fath al-Bari, juz. 1, hlm. 8-9.

[5] *Ibid.* juz. 1, hlm. 9.

Keberkatan *Sahih al-Bukhari*

1. Kata Imam ‘Abdullah bin Sa‘d Ibn Abi Jamrah (w. 699H):

وقد قال لي من لقيته من القضاة الذين كانت لهم المعرفة والرحلة عمَّن لقيَ من السادة المقَرِّ لهم بالفضل: إنَّ كتابه ما قُرِئَ في وقت شدة إلا فُرِّجَت، ولا رُكِبَ به في مركب فغَرِقَت قط. اهـ

Terjemahan: “Telah berkata kepadaku seorang yang aku temui dari kalangan para qadhi yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman mengembara daripada seorang yang ia temui dari kalangan para sayyid yang diakui kelebihannya: Sesungguhnya kitab beliau tidaklah sekali-kali dibaca pada masa kesulitan melainkan akan dipermudahkan dan tidaklah sekali-kali dibawa dalam sebuah kapal lalu ia tenggelam”.[6]

2. Kata Imam Abu Zaid al-Marwazi al-Faqih, murid al-Firabri (w. 371H):

كنت نائما بين الركن والمقام، فرأيت النبي ﷺ، فقال لي: يا أبا زيد، إلى متى تدرس كتاب الشافعي، ولا تدرس كتابي؟ فقلت: يا رسول الله، وما كتابك؟ قال: جامع محمَّد بن إسماعيل.

Terjemahan: “Aku pernah tidur di antara rukun dan maqam, lalu aku melihat Nabi SAW. Baginda bersabda kepadaku: Wahai Abu Zaid, sehingga bila kamu mahu mempelajari kitab al-Syafii, sedangkan kamu tidak mempelajari kitabku? Lantas aku bertanya: Wahai Rasulullah, apakah dia kitabmu itu? Jawab baginda: *Jami‘* Muhammad bin Isma‘il (yakni *Sahih al-Bukhari*)”.[7]

3. Kata al-Hafiz Ibn Nasir al-Din al-Dimasyqi: “Sesungguhnya kitab *Jami‘* Imam Abu ‘Abdillah al-Bukhari yang dinamakan *al-Sahih* merupakan kitab yang paling sahih pernah disusun menurut pandangan yang rajih. Dengan membacanya dapat menghilangkan bala bencana dan dengan mendengarnya akan turunnya rahmat.” (*Isnad Sahih al-Bukhari,* hlm. 295)

4. Kata Imam Ibn Kathir: “Kitabnya al-Sahih dapat diminta supaya turun hujan dengan membacanya dan ulama telah berijmak menerimanya serta menyatakan sahih isi kandungannya. Demikian juga pandangan seluruh ahli Islam.” (*al-Bidayah wa al-Nihayah*, 11/30)

5. Kata Imam Tajuddin as-Subki: “Adapun kitab *al-Jami‘ as-Sahih* dan kedudukannya sebagai tempat menguraikan hal-hal sulit dan mujarrab untuk menunaikan hajat, maka ianya suatu perkara yang masyhur. Sekiranya kami mahu menyebut perincian perkara tersebut dan apa yang telah disepakati tentangnya, nescaya huraiannya akan panjang berjela”. (طبقات الشافعية الكبرى ٢/٢٣٤)

6. Kata Syeikh ‘Abdul Haq al-Dihlawi dalam *Asyi‘ah al-Lama‘at*: “Ramai masyayikh dan ulama yang thiqah membaca Sahih al-Bukhari untuk mencapai cita-cita, memenuhi keperluan, menunaikan hajat, menolak bala, menghilangkan bencana, mengubati penyakit, merawat pesakit, serta ketika kesulitan dan kesusahan. Lalu tertunailah keinginan mereka dan tercapailah tujuan mereka dan mereka mendapatinya seperti penawar yang mujarrab.

[6] *Bahjah al-Nufus*, hlm. 6.

[7] *Tahdhib al-Asma’ wa al-Lughat*.

Sesungguhnya perkara ini di sisi para ulama hadis telah mencapai tahap masyhur dan tersebar luas". (*Muqaddimah Tuhfah al-Ahwazi*, hlm. 86)

7. Kata Syeikh Muhammad 'Abdur Rahman al-Mubarakfuri: "Ramai ahli ilmu pada zaman ini mengharuskan membaca Sahih al-Bukhari dan mengkhatamkannya untuk menyembuhkan penyakit, menolak musibah dan mencapai maksud. Mereka akan berkumpul misalnya, lalu sebahagiannya membaca juzuk pertama daripadanya, sebahagiannya membaca juzuk kedua, sebahagiannya membaca juzuk ketiga dan begitu seterusnya. Mereka akan mengkhatamkannya secara berkumpulan. Kemudian mereka akan berdoa kepada Allah Taala untuk menyembuhkan pesakit, menolak musibah atau mencapai maksud mereka. Mereka mengambil dalil bahawa membacanya dengan sempurna adalah pengubatan (ruqyah) bagi menyembuhkan pesakit, menolak musibah dan mencapai maksud. Pengubatan (ruqyah) dengan sesuatu yang tidak mengandungi syirik dan kalimah yang tidak difahami maknanya adalah harus menurut kesepakatan ulama." (*Muqaddimah Tuhfah al-Ahwazi*, hlm. 86)

8. Kata al-'Allamah Yusuf bin Isma'il al-Nabhani dalam kitabnya *Sa'adah al-Darain* (hlm. 628): "Antara mujarrabat yang masyhur (untuk menghindari wabak) ialah membaca kitab al-Bukhari dan kitab *al-Syifa'* (oleh al-Qadhi 'Iyadh)".

Kandungan *Sahih al-Bukhari*

Imam al-Bukhari membahagikan kitabnya kepada bahagian-bahagian kecil yang disebut 'kitab' (dalam bentuk kitab-kitab kecil). Di dalam setiap 'kitab' terdapat susunan mengikut bab-bab.

Bilangan kitab, bab dan hadis di dalam *Sahih al-Bukhari*:

Bil.	Kitab	Bilangan Bab	Bilangan Hadis
1	Permulaan Wahyu (بدء الوحي)	6	7
2	Iman (الإيمان)	42	51
3	Ilmu (العلم)	53	75
4	Bersuci: Wuduk (الطهارة: الوضوء)	75	115
5	Mandi (الغسل)	29	47
6	Haidh (الحيض)	30	37
7	Tayammum (التيمم)	9	15
8	Solat (الصلاة)	109	164
9	Waktu-waktu Solat (مواقيت الصلاة)	41	80
10	Azan (الأذان)	166	275

11	Solat Jumaat (الجمعة)	41	65
12	Solat Khauf (صلاة الخوف)	6	6
13	Solat Dua Hari Raya (العيدين)	26	40
14	Solat Witir (الوتر)	7	15
15	Solat Minta Hujan (الاستسقاء)	29	31
16	Solat Gerhana (الكسوف)	19	25
17	Sujud Tilawah (سجود القرآن)	12	14
18	Qasar Solat (تقصير الصلاة)	20	36
19	Solat Tahajjud (التهجد)	37	66
20	Fadhilat solat di Masjid Makkah dan Madinah (فضل الصلاة في مسجد مكة والمدينة)	6	9
21	Perbuatan dalam solat (العمل في الصلاة)	18	26
22	Sujud Sahwi (السهو)	9	15
23	Jenazah (الجنائز)	98	154
24	Zakat (الزكاة)	78	123
25	Haji (الحج)	151	240
26	Umrah (العمرة)	20	42
27	Tertahan untuk ihram (المحصر)	10	16
28	Denda berburu ketika ibadah haji (جزاء الصيد)	27	48
29	Fadilat-fadhilat Madinah (فضائل المدينة)	12	24
30	Puasa (الصوم)	69	156
31	Solat Terawih (صلاة التراويح)	1	6
32	Fadhilat Malam Lailatul-Qadar (فضل ليلة القدر)	5	10

33	Iktikaf (الاعتكاف)	12	20
34	Jual beli (البيوع)	113	191
35	Jual beli Salam (السلم)	8	19
36	Jual beli Shuf'ah (الشفعة)	3	3
37	Sewaan (الإجارة)	12	24
38	Pemindahan (الحوالة)	3	3
39	Penjaminan (الكفالة)	5	8
40	Perwakilan (الوكالة)	16	17
41	Penanaman dan Pertanian (الحرث والمزارعة)	21	30
42	Pengairan (الشرب/ المساقاة)	17	29
43	Pinjaman, melunaskan hutang-piutang, pembekuan dan muflis (الاستقراض وأداء الديون والحجر والتفليس)	20	25
44	Pertelingkahan (الخصومات)	10	15
45	Barang yang ditinggalkan/ dicicir/ hilang (اللقطة)	12	15
46	Kezaliman dan rampasan (المظالم والغصب)	35	45
47	Perkongsian (الشركة)	16	23
48	Gadaian (الرهن)	6	8
49	Pembebasan hamba (العتق)	20	34
50	Hamba yang menebus kemerdekaan dirinya (المكاتب)	5	5
51	Hibah/Pemberian, fadhilatnya dan galakan terhadapnya (الهبة، وفضلها والتحريض عليها)	37	69
52	Persaksian (الشهادات)	30	56

53	Perdamaian (الصلح)	14	20
54	Syarat-syarat (الشروط)	19	24
55	Wasiat dan wakaf (الوصايا والوقف)	36	41
56	Jihad dan sirah (الجهاد والسير)	199	294
57	Kefardhuan satu perlima (فرض الخمس)	20	63
58	Jizyah dan amanah harta-benda (الجزية والموادعة)	22	28
59	Permulaan kejadian (بدء الخلق)	17	145
60	Kisah-kisah para nabi (أحاديث الأنبياء)	54	157
61	Perihal tokoh (المناقب)	28	150
62	Kelebihan-kelebihan para Sahabat Nabi s.a.w. (فضائل أصحاب ﷺ النبي)	30	165
63	Keistimewaan orang-orang Ansar (مناقب الأنصار)	53	116
64	Peperangan/Pertempuran (المغازي)	89	412
65	Tafsir al-Quran (تفسير القرآن)	14	465
66	Fadhilat-fadhilat al-Quran (فضائل القرآن)	37	81
67	Nikah (النكاح)	125	183
68	Talak/Perceraian (الطلاق)	53	83
69	Nafkah (النفقات)	16	22
70	Makanan (الأطعمة)	59	90
71	Aqiqah (العقيقة)	4	9
72	Penyembelihan dan Buruan	38	66

	(الذبائح والصيد)		
73	Korban (الأضاحي)	16	30
74	Minuman (الأشربة)	31	65
75	Orang-orang sakit (المرضى)	22	40
76	Perubatan (الطب)	58	97
77	Pakaian (اللباس)	103	182
78	Adab (الأدب)	128	256
79	Memohon keizinan (الاستئذان)	53	77
80	Doa-doa (الدعوات)	69	106
81	Hal-hal pelembut hati (الرقاق)	53	177
82	Takdir (القدر)	16	28
83	Sumpah dan nazar (الأيمان والنذور)	33	81
84	Kaffarah/Penebus sumpah (كفارات الأيمان)	10	18
85	Faraidh/Pembahagian harta (الفرائض)	31	46
86	Hudud (الحدود)	46	84
87	Pampasan kes bunuh (الديات)	32	54
88	Perintah bertaubat kepada orang yang murtad, pemberontak dan memerangi mereka (استتابة المرتدين والمعاندين وقتالهم)	9	20
89	Paksaan (الإكراه)	7	12
90	Helah (الحيل)	15	28
91	Tafsir mimpi (تعبير الرؤيا)	48	63
92	Fitnah/Huru hara akhir zaman (الفتن)	28	82

93	Hukum-hakam (الأحكام)	53	82
94	Impian (التمني)	9	20
95	Hadis-hadis Ahad (أخبار الآحاد)	6	22
96	Berpegang dengan al-Quran dan al-Sunnah (الاعتصام بالكتاب والسنة)	28	98
97	Tauhid (التوحيد)	58	190
Jumlah	97 Kitab	3,551 Bab	7,244 Hadis

* Bilangan kitab dan bab berdasarkan buku *al-Imam al-Bukhari* oleh Dr. Yusuf al-Kattani. Manakala bilangan hadis setiap bab berdasarkan kiraan al-Hafiz Ibn Hajar dalam *Hady al-Sari* secara komparatif dengan kiraan terdahulu.

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani menyatakan bahawa jumlah keseluruhan riwayat ialah 7,397 hadis (termasuk yang disebut berulang kali). Namun, ini tidak termasuk *mu'allaq* yang jumlahnya 1,341 hadis (yang kebanyakannya disebut secara *muttasil* di tempat lain kecuali pada 160 hadis) dan juga *mutaba'at* yang jumlahnya 341 hadis. Maka, jumlah keseluruhan riwayatnya ialah 9,082 hadis. Ini tidak termasuk *athar* (riwayat *mawquf* daripada sahabat dan riwayat *maqtu'* daripada tabiin).[8]

Manakala jumlah sebenar hadis yang *mausul* tanpa mengambil kira yang disebut secara berulang kali adalah sebanyak 2,602 hadis dan yang *mu'allaq* pula ialah sebanyak 159 hadis. Maka, jumlah keseluruhannya ialah 2,761 hadis.[9]

Di tempat lain, al-Hafiz Ibnu Hajar menyatakan jumlah sebenar hadis yang *mausul* dan *mu'allaq* tanpa mengambil kira yang disebut secara berulang kali adalah sebanyak 2,513 hadis.[10]

Manakala menurut Syeikh Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, jumlah keseluruhan riwayat ialah 7,563 hadis (termasuk yang disebut berulang kali) dan jumlah sebenar hadis tanpa mengambil kira yang disebut secara berulang kali adalah sebanyak 2,607 hadis.[11]

Pengiraan bilangan kitab kecil dan bab sebenarnya berbeza antara para pengkaji *Sahih al-Bukhari*. Dalam *Sahih al-Bukhari* yang dicetak berserta syarahnya *Fath al-Bari* terbitan al-

---

[8] al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 492-493. Dr. Taqiyyuddin al-Nadwi (1994), *al-Imam al-Bukhari Imam al-Huffaz wa al-Muhaddithin*, Dimasyq: Dar al-Qalam, hlm. 101-103.

[9] al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 501.

[10] al-Hafiz Ibn Hajar, 13: 543.

[11] *Ibid.*, hlm. 103.

Matba‘ah al-Salafiyyah yang turut diselenggara oleh Syeikh Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 97 buah kitab dan bilangan babnya pula sebanyak 3,261 buah bab.

Tetapi di dalam kitab *Taysir al-Manfa‘ah* susunan Syeikh Muhammad Fu’ad, dinyatakan bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 buah kitab dan bilangan babnya pula adalah sebanyak 3,889 buah bab. Ini hampir sama dengan kiraan Syeikh ‘Abdullah al-Ghunayman dalam kitabnya *Dalil al-Qari ila Mawadi‘ al-Hadith min Sahih al-Bukhari*, di mana bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 kitab dan bilangan babnya sebanyak 3,882 buah bab. Manakala dalam kitab *Faharis al-Bukhari* susunan Syeikh Ridwan Muhammad Ridwan, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 91 buah kitab dan bilangan babnya lebih kurang sebanyak 3,777 buah bab.

Di dalam kitab *Fihris Ahadith wa Athar Sahih al-Bukhari* didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 100 buah kitab dan bilangan babnya pula sebanyak 3,733 buah bab. Ini berbeza dengan kenyataan kitab *Kasyf al-Zunun*, di mana Haji Khalifah mencatatkan bilangan kitab kecilnya adalah lebih dari 100 buah kitab dan bilangan babnya pula adalah sebanyak 3,450 buah bab. Di dalam kitab *Dalil Faharis al-Bukhari li al-Kutub wa al-Abwab al-Asasiyyah* oleh Syeikh Mustafa al-Bayyumi, didapati bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 126 buah kitab, namun beliau tidak mengira jumlah bab keseluruhannya.

Di dalam mukadimah *Miftah Sahih al-Bukhari* oleh Syeikh al-Tuqadi disebutkan bahawa bilangan kitab kecilnya ialah sebanyak 68 buah kitab, lebih sedikit berbanding yang lain-lain dan bilangan babnya pula sebanyak 3,730 buah bab.

Nama Ulama	**Bil. Kitab**	**Bil. Bab**
Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi	97	3,261
‘Abdullah al-Ghunayman	91	3,882
Ridwan Muhammad Ridwan	91	3,777
Haji Khalifah	lebih 100	3,450
Syeikh al-Tuqadi	68	3,730

Menurut Syeikh ‘Abd al-Ghani ‘Abd al-Khaliq di dalam kitabnya *al-Imam al-Bukhari wa Sahihuh* berhubung perbezaan pengiraan kitab–kitab kecil dan bab-bab dalam *Sahih al-Bukhari* ini;

Secara zahirnya, perselisihan ini berpunca daripada perbezaan nuskhah-nuskhah *Sahih al-Bukhari* dan juga kerana ada yang menganggap sesuatu bab itu sebagai sebuah kitab kecil.[12]

Tarajim al-Bukhari

Maksud *"tarajim al-Bukhari"* ialah penamaan judul bab iaitu tajuk-tajuk yang telah dipilih dan ditulis oleh al-Bukhari terhadap sesuatu hadis ataupun sekumpulan hadis, yang telah disusun dan diasingkan setiap satunya berdasarkan aspek-aspek yang disentuh oleh hadis-hadis tersebut.

Tarajim yang dirangka oleh al-Bukhari di dalam *al-Jami' al-Sahih* ini membuktikan beliau juga merupakan seorang mujtahid. Telah masyhur di kalangan ulama ungkapan;

" فقه البخاري في تراجمه "

' Fiqh al-Bukhari tersirat di sebalik *tarajim*nya '.

Kekaguman para ulama terhadap *tarajim al-abwab* ini telah disifat oleh al-Hafiz Ibn Hajar dengan katanya ;

" التراجم التي حيرت الأفكار وأدهشت العقول والأبصار "

"*Tarajim* yang menghairankan fikiran serta mengkagumkan akal dan pandangan".

Sahih Al-Bukhari Kitab Sahih Pertama

Kata al-Hafiz al-'Uqaily: "Selepas al-Bukhari mengarang kitab *al-Sahih*nya, beliau telah menunjukkannya kepada Ahmad bin Hanbal, Yahya bin Ma'in, 'Ali bin al-Madini dan lain-lain, lalu mereka semua memujinya dan menyetujuinya sebagai sahih kecuali pada empat buah hadis." Kata al-Hafiz al-'Uqaily: "Namun, kata putus mengenainya adalah kata-kata al-Bukhari, iaitu sahih belaka."[13]

Imam Ibnu as-Salah di dalam kitab *Muqaddimah*nya telah menyebutkan bahawa orang pertama yang mengarang kitab sahih adalah Imam al-Bukhari. Perkara ini turut diakui oleh ramai ulama lain seperti Imam al-Nawawi di dalam kitabnya *al-Taqrib*[14]. Hingga menjadi satu perkara yang disepakati oleh ulama bahawa *Sahih al-Bukhari* adalah kitab sahih pertama yang dikarang dalam dunia penulisan hadis.

Manakala kata-kata Imam al-Syafii, orang pertama yang mengarang kitab sahih adalah al-Imam Malik dengan katanya: "Aku tidak ketahui kitab yang paling sahih setelah Kitab Allah melainkan kitab *Muwatta'* Imam Malik". Ini telah dijelaskan oleh al-Hafiz Ibnu

---

[12] Lihat: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah dalam ulasannya atas kitab *Kasyf al-Iltibas 'amma Awradahu al-Imam al-Bukhari 'ala Ba'd al-Nas* oleh Syeikh 'Abd al-Ghani al-Ghunaymi al-Maydani, 1993, Halab: Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah, hlm. 6 & 99.

[13] al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 9.

[14] As-Suyuti, *Tadrib Ar-Rawi*, hlm. 92.

Hajar bahawa Imam al-Syafii mengeluarkan kenyataan itu ketika *Sahih al-Bukhari* belum lagi disusun. Namun, setelah muncul *Sahih al-Bukhari*, *Muwatta'* Malik bukan lagi berada di tangga yang pertama. Ini adalah kerana di dalamnya sendiri terdapat hadis-hadis *mursal, munqati'* dan *balaghat*.[15]

Sahih Al-Bukhari **Kitab Paling Sahih**

Dari sudut kedudukannya di antara kitab-kitab ulama Islam, *Sahih al-Bukhari* berada di kedudukan yang paling utama dan sahih. Fakta ini hampir menjadi satu kesepakatan di kalangan ahli hadis, justeru hadis-hadis di dalamnya harus digunakan sebagai hujah dalam segenap aspek sama ada aqidah, ibadah, akhlak, fadha'il a'mal dan sebagainya.

1. Kata Imam al-Haramain al-Juwaini: "Sekiranya seorang insan bersumpah dengan mentalak isterinya bahawa semua yang terkandung di dalam *Sahihain* (*Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*) itu adalah daripada hadis yang dihukumkan sebagai sahih daripada sabdaan Nabi SAW, nescaya tidak jatuh talak tersebut disebabkan ijmak ulama Islam terhadap kesahihannya." (تدريب الراوي ج١ ص١٤٢)

2. Kata Imam an-Nawawi: "Karya pertama pada hadis sahih semata-mata ialah *Sahih al-Bukhari*, kemudian *Sahih Muslim*. Kedua-duanya adalah kitab yang paling sahih selepas al-Quran, dan al-Bukhari adalah yang paling sahih dan yang paling banyak faedah antara kedua-duanya." (التقريب للنووي ص٣). Kata beliau lagi: "Para ulama رحمهم الله bersepakat bahawa kitab yang paling sahih selepas al-Quran yang mulia ialah *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Umat Islam telah menerima kedua-duanya dengan penuh penerimaan." (شرح صحيح مسلم ص١٥)

3. Kata Imam Ibn al-Solah: "Kitab kedua-duanya adalah kitab yang paling sahih selepas kitab Allah yang mulia." (معرفة أنواع علوم الحديث ج١ ص٨٤)

4. Kata al-Hafiz al-Dhahabi: "Ada pun kitab *al-Jami' al-Sahih*nya, maka ia adalah kitab Islam yang paling agung dan paling afdhal selepas kitab Allah Taala." (*Tarikh al-Islam*, 1987, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 19/ 242)

5. Kata al-Hafiz Ibn Nasir al-Din al-Dimasyqi: "Sesungguhnya kitab *Jami'* Imam Abu 'Abdillah al-Bukhari yang dinamakan *al-Sahih* merupakan kitab yang paling sahih pernah disusun menurut pandangan yang rajih. Dengan membacanya dapat menghilangkan bala bencana dan dengan mendengarnya akan turunnya rahmat." (*Isnad Sahih al-Bukhari,* hlm. 295)

6. Kata al-Hafiz Ibn Hajar: "Kitab kedua-duanya adalah kitab yang paling sahih selepas kitab Allah yang mulia." (فتح الباري ج١ ص١٠)

7. Kata al-Hafiz al-Sakhawi: "*Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* adalah kitab yang paling sahih selepas kitab Allah Taala." (الغاية في شرح الهداية في علم الرواية ج١ ص٧٧)

Ramai lagi ulama pakar hadis yang menyokong fakta ini seperti Imam Ibnu Kathir, al-Hafiz al-'Iraqi, Imam al-Suyuti, Imam al-Qastallani dan lain-lain. Ringkasnya, jumhur ulama hadis bersepakat menyatakan bahawa *Sahih Al-Bukhari* adalah kitab yang paling sahih di kalangan kitab-kitab hadis yang telah dihasilkan.

[15] al-Hafiz Ibn Hajar, 1: 12.

Namun, sebahagian ulama seperti Abu 'Ali al-Naisaburi serta beberapa ulama sebelah barat Islam menyatakan bahawa *Sahih Muslim* adalah kitab hadis yang paling sahih. Pandangan mereka telah disangkal oleh kebanyakan ulama dengan hujah-hujah yang kemas dan kukuh. Mereka menjawab *Sahih al-Bukhari* adalah kitab hadis yang paling sahih kerana:

a) Al-Bukhari lebih teliti dan berhati-hati di dalam memilih perawi hadisnya. Di kalangan 435 perawi yang hanya dikeluarkan oleh al-Bukhari di dalam *Sahih*nya, hanya kira-kira 80 orang sahaja yang dikritik oleh pengkritik hadis. Berbanding dengan *Sahih Muslim*, di kalangan 620 orang perawi yang hanya dikeluarkan oleh Muslim di dalam *Sahih*nya, seramai 160 orang yang dikritik, iaitu sekali ganda jumlahnya. Sudah tentu hadis-hadis yang dikritik dalam *Sahih al-Bukhari* adalah kurang jika dibandingkan dengan hadis-hadis yang dikritik dalam *Sahih Muslim*.

b) Para perawi yang dikritik yang hanya dikeluarkan oleh al-Bukhari itu tidak banyak dikeluarkan hadis-hadis mereka. Berbanding dengan Muslim, beliau mengeluarkan kebanyakan hadis-hadis para perawi yang dikritik itu.

c) Para perawi yang dikritik yang hanya dikeluarkan oleh al-Bukhari kebanyakan mereka adalah daripada guru-gurunya yang pernah ditemui dan diketahui hal ehwal sebenar mereka serta diketahui mana hadis-hadis mereka yang baik daripada yang buruk. Berbanding dengan Muslim, kebanyakan para perawi yang dikritik yang hanya dikeluarkan olehnya adalah daripada kalangan mutaqaddimin (perawi terdahulu) dan beliau mengeluarkan kebanyakan hadis-hadis mereka.

d) Kebanyakan perawi-perawi yang dikritik daripada kalangan mutaqaddimin hadis-hadis mereka biasanya dikeluarkan oleh al-Bukhari sebagai sokongan, *mutaba'at* dan *mu'allaqat* iaitu bukannya sebagai *usul*. Berbanding dengan Muslim, beliau mengeluarkan banyak hadis-hadis para perawi yang dikritik itu pada *usul* dan berhujah dengannya.

e) Al-Bukhari meletakkan syarat yang agak ketat berhubung sanad iaitu beliau mensyaratkan *thubut al-liqa'* iaitu setiap perawi mesti pernah berjumpa antara satu dengan yang lain walaupun hanya sekali. Berbanding dengan Imam Muslim, syarat yang diletakkan lebih longgar iaitu memadai dengan *mu'asarah* iaitu memadai dengan setiap perawi pernah hidup sezaman dengan gurunya, meskipun belum sabit bukti pertemuan mereka.[16]

Ini membuktikan kaedah al-Bukhari yang meletakkan syarat yang agak ketat dan teliti menyukarkan pihak lain untuk mengkritik hadis di dalam *Sahih*nya. Maka dengan faktor-faktor inilah, ulama bersepakat menyatakan bahawa *Sahih Al-Bukhari* adalah kitab hadis yang paling sahih sehingga kini di antara kitab-kitab Islam yang dikarang.

Kritikan Terhadap *Sahih Al-Bukhari*

Meskipun *Sahih Al-Bukhari* diiktiraf sebagai kitab yang paling sahih, namun ianya tidak terlepas daripada dikritik. Imam Ibnu as-Salah menyatakan bahawa hadis yang paling sahih yang berada di kedudukan yang paling atas adalah hadis yang disepakati kesahihannya oleh al-Bukhari dan Muslim (juga disebut sebagai "*muttafaq 'alaih*"). Sekiranya hadis itu tidak

[16] al-Hafiz Ibnu Hajar, *An-Nukat ala Ibn as-Salah*. Jil 1, ms 286.

disepakati oleh kedua-dua mereka, maka hadis al-Bukharilah yang lebih sahih daripada hadis Muslim. Walaupun begitu, terdapat juga sebilangan kecil hadis al-Bukhari yang dikritik kesahihannya oleh setengah ulama yang datang kemudian seperti Imam al-Daraqutni.

Menurut Al-Hafiz Ibnu Hajar, terdapat 110 hadis yang dikritik di dalam kitab *Sahih Al-Bukhari*, 32 hadis daripadanya disepakati oleh Muslim, manakala 78 hadis lagi hanya dikeluarkan oleh al-Bukhari. Menurutnya, kebanyakan kritikan adalah berpunca daripada sanad hadis. Kebanyakan kritikan tersebut telah pun dijelaskan kedudukannya oleh al-Hafiz Ibnu Hajar di dalam kitabnya *Hadyu al-Sari* muqaddimah bagi kitab *Fathu Al-Bari*.[17]

***Rijal* al-Bukhari**

Penerimaan ulama dan umat Islam secara keseluruhannya terhadap hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* menggambarkan piawaian dan kualiti perawi yang tinggi yang diterima dan diakui riwayat-riwayatnya. Semua hadis-hadis tersebut telah disaring dan dipilih daripada kalangan perawi-perawi yang memiliki martabat *ta'dil* yang tertinggi. Sebagai contoh, dengan melihat kepada perawi-perawi yang mengambil hadis daripada Imam al-Zuhri dibahagikan kepada 5 tahap, iaitu:

1. Tahap pertama ialah perawi yang mempunyai hafalan yang kuat, bersifat teliti, tempoh masa yang lama berguru dengan al-Zuhri dan mengetahui semua hadis-hadisnya. Mereka ini seperti Malik, Ibn 'Uyainah, 'Ubaidullah bin 'Umar dan sebagainya.
2. Tahap kedua ialah perawi yang serupa sifatnya dengan perawi tahap pertama, tetapi hanya berguru dengan al-Zuhri dalam tempoh masa yang pendek dan tidak mengetahui semua hadis-hadisnya. Sifat teliti mereka juga kurang sedikit daripada perawi tahap pertama. Mereka ini seperti al-Awza'i, al-Laith bin Saad, al-Nu'man bin Rasyid dan sebagainya.
3. Tahap ketiga ialah kumpulan perawi yang melazimi al-Zuhri dan meriwayatkan hadis daripadanya, tetapi mereka tidak selamat daripada menerima *jarh*/kritikan. Mereka ini seperti Sufyan bin Husayn, Jaafar bin Burqan, 'Abdullah al-'Umari dan sebagainya.
4. Tahap keempat ialah kumpulan perawi yang serupa sifatnya dengan perawi tahap ketiga, tetapi kurang menguasai hadis-hadis al-Zuhri kerana mereka tidak lama berguru dengannya. Mereka ini seperti Ishaq bin Yahya al-Kalbi, Mu'awiyah bin Yahya, Ishaq bin Abi Farwah dan sebagainya.
5. Tahap kelima ialah perawi-perawi yang daif dan *majhul* (tidak diketahui tentang kedudukan mereka) seperti Bahr bin Kaniz, al-Hakam al-Ayli, 'Abdul Quddus bin Habib dan sebagainya.

[17] al-Hafiz Ibnu Hajar, 1: 364.

Imam al-Bukhari hanya mengambil hadis-hadis al-Zuhri yang diriwayatkan oleh kumpulan tahap pertama serta sedikit daripada kumpulan tahap yang kedua.[18] Ini menggambarkan ketelitian dan ketinggian ilmu al-Bukhari serta syaratnya yang ketat dalam menilai hadis.

Perawi-perawi Kitab *Sahih al-Bukhari*

Sanad periwayatan kitab *Sahih al-Bukhari* telah menerima perhatian daripada para alim ulama dahulu dan sekarang. Antara ulama yang membincangkannya ialah:

1. al-Hafiz Syams al-Din Ibn Tulun al-Dimasyqi dalam kitabnya *Bulghah al-Qani‘ fi Turuq al-Sahih al-Jami‘*,
2. al-Hafiz al-Sakhawi dalam kitabnya *‘Umdah al-Qari‘ wa al-Sami‘ fi Khatm al-Sahih al-Jami‘*,
3. al-Hafiz Jamal al-Din Yusuf bin ‘Abd al-Hadi (m. 909H) dalam kitabnya *al-Ikhtilaf bayna Ruwat al-Bukhari ‘an al-Firabri wa Riwayat ‘an Ibrahim bin Ma‘qil al-Nasafi*.
4. dan sebagainya.

Murid al-Bukhari, Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (m. 320H) pernah menyebut bahawa ada seramai 90,000 orang yang pernah mendengar *Sahih al-Bukhari* terus daripada al-Bukhari sendiri, namun kemudian tidak ada seorang pun lagi yang masih tinggal meriwayatkannya kecuali beliau seorang sahaja. Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, pernyataan al-Firabri ini hanya berdasarkan pengetahuannya sahaja kerana masih ada murid al-Bukhari lain yang masih hidup selepas kewafatan beliau.[19] Antaranya ialah Abu Talhah Mansur bin Muhammad al-Bazdawi (m. 329H) dan Abu ‘Abdillah al-Husayn bin Isma‘il al-Mahamili (m. 330H).

Menurut Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh para ulama sehingga sekarang hanya dari enam orang perawi sahaja yang mengambil terus dari al-Bukhari sendiri. Setiap seorang daripada mereka adalah pemilik nuskhah yang berasingan. Mereka ialah;

1. Abu Ishaq Ibrahim bin Ma‘qil bin al-Hajjaj al-Nasafi (m. 294H).
2. Hammad bin Syakir al-Nasafi (m. 311H).
3. Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (m. 320H).
4. Abu Talhah Mansur bin Muhammad al-Bazdawi (m. 329H).
5. al-Qadi Abu ‘Abdillah al-Husayn bin Isma‘il al-Mahamili (m. 330H).
6. Tahir bin Muhammad bin Makhlad al-Nasafi.[20]

Bagaimanapun, ada sebuah lagi riwayat yang tidak sebutkan, iaitu riwayat Abu Ja‘far Muhammad bin Hatim, juru tulis atau tukang salin (*warraq*) al-Bukhari. al-Firabri ada

---

[18] Imam al-Zarkasyi, *An-Nukat ala Ibn as-Salah*, ms 268.

[19] al-Hafiz Ibn Hajar, 1986, *Hady al-Sari Muqaddimah Fath al-Bari*, Kaherah: Dar al-Rayyan, h. 516.

[20] Nama ini hanya disebut oleh al-Dhahabi dalam *Siyar A'lam al-Nubala'* tanpa diketahui biodatanya secara detail. Lihat: Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, 2002, *al-Imam al-Yunini wa Juhuduh fi Hifz Sahih al-Imam al-Bukhari wa Tahqiq Riwayatih*, dalam Majallah al-Jami‘ah al-Islamiyyah, Palestin, vol. 10, bil. 1.

mencatatkan beberapa faedah yang dikutip daripada riwayat Abu Ja'far Muhammad bin Hatim. Namun, tidak dapat dipastikan sama ada ia dapat diiktiraf sebagai sebuah nuskhah ataupun tidak.

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar, riwayat yang paling masyhur daripada al-Firabri ialah riwayat Abu Dhar al-Harawi daripada tiga orang gurunya yang merupakan anak murid al-Firabri, iaitu al-Kusymihani, al-Hammuyi al-Sarakhsi dan al-Mustamli. Ini kerana riwayat beliau adalah riwayat yang paling *dabit* dan teliti dalam menentukan perbezaan lafaz-lafaz sanad dan matan.[21] Al-Firabri juga mendengar dan menerima *Sahih al-Bukhari* secara terus daripada al-Bukhari sebanyak dua kali, iaitu sekali di Firabr pada tahun 248H dan sekali lagi di Bukhara pada tahun 252H, iaitu 4 tahun sebelum kewafatan al-Bukhari.

Pengkhataman *Sahih al-Bukhari*

Berikut merupakan sedikit nukilan mengenai kegigihan dan ketekunan ulama mengkhatamkan kitab *Sahih al-Bukhari* berulang-kali;

1. al-Hafiz Ghalib ibn 'Atiyyah al-Andalusi (w. 518H) – pernah mengulang Sahih al-Bukhari sebanyak 700 kali.
2. Al-'Allamah Musa ibn Sa'adah al-Andalusi (w. selepas 522H) mengkhatam dengan gurunya Sahih al-Bukhari sebanyak 60 kali.
3. al-Hafiz Syaraf al-Din Abu al-Husayn 'Ali ibn Muhammad bin Ahmad al-Yunini al-Ba'li al-Hanbali (w. 701H). Kata muridnya, al-Hafiz al-Dhahabi : "Beliau (Abu al-Husayn al-Yunini) memberitakan kepadaku bahawa beliau telah membuat *muqabalah* (komparatif antara riwayat-riwayat) kitab *Sahih al-Bukhari* dalam masa satu tahun serta memperdengarkannya sebanyak sebelas kali".[22] *Kitab *Sahih al-Bukhari* versi beliau dianggap versi yang paling sahih dan teliti sekali, yang terkenal dengan nama *al-Nuskhah al-Yuniniyyah*.
4. al-'Allamah 'Uthman bin Muhammad al-Tauzari (w. 713H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari 30 kali.
5. Al-Musnid Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w. 730H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari lebih dari 70 kali.
6. al-'Allamah Ahmad bin 'Uthman al-Kirmani (w. 835H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari lebih dari 60 kali.
7. Al-Hafiz Burhanuddin Sibt Ibn al-'Ajami al-Halabi (w. 841H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari lebih dari 60 kali dan Sahih Muslim 20 kali.
8. Al-'Allamah Sulaiman bin Ibrahim al-'Alawi (w. 892H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari sebanyak 150 kali sama ada secara baca atau dengar.
9. Imam 'Abdullah bin Salim al-Basri al-Syafi'i (w. 1134H) – pernah mengkhatam Sahih al-Bukhari di dalam Kaabah sebanyak 2 kali.
10. Al-'Allamah al-Tawudi ibn Sudah al-Fasi (w. 1209H) tekun mengkhatamkan Sahih al-Bukhari lebih dari 40 kali.
11. Al-'Allamah Ahmad Bu-Nafi' al-Fasi (w. 1260H) tekun mengkhatamkan Sahih al-Bukhari dengan gurunya, al-'Allamah al-Tawudi ibn Sudah al-Fasi sebanyak 18 kali.

---

[21] al-Hafiz Ibn Hajar, 1986, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Kaherah: Dar al-Rayyan, j. 1, h. 10.

[22] Al-Hafiz Muhammad Ahmad 'Uthman al-Dhahabi, 1990, *Mu'jam al-Syuyukh*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 376.

12. al-Syahid Syeikh as-Sayyid Muhammad bin ‘Abdul Kabir al-Kattani (w. 1327H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari dari subuh hingga zohor dengan kehadiran ribuan pendengar.
13. Syeikh as-Sayyid ‘Abdul Kabir bin Muhammad al-Kattani (w. 1333H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari lebih dari 50 kali.[23]
14. Syeikh Ibrahim bin Muhammad bin ‘Abd al-Hafiz al-Dabbagh al-Hasani (w. 1329H) – mendengar Sahih al-Bukhari daripada bapanya lebih daripada 20 kali dan beliau pula telah membaca Sahih al-Bukhari setiap tahun pada bulan Rejab dan Syaaban di dalam 40 majlis yang berlangsung selama kira-kira 40 tahun. (*Mu‘jam al-Syuyukh* oleh ‘Abd al-Hafiz al-Fasi, h. 114)
15. Mawlana Syeikh Muhammad Zakaria al-Kandahlawi (w. 1402H) - mengkhatam Sahih al-Bukhari lebih dari 40 kali.
16. Syeikh Fadhl bin Abdullah Ba Fadhl - membaca Sahih al-Bukhari sebanyak 1,000 kali.[24]
17. Syeikh Asiluddin (w. H) - al-Muhaddith as-Sayyid Jamaluddin menukilkan daripada gurunya itu, kata beliau: “Aku telah membaca Sahih al-Bukhari kira-kira 120 kali dalam berbagai peristiwa dan hal-hal penting untuk diriku dan juga untuk orang lain. Maka, dengan apa jua niat aku membacanya akan tercapailah maksud dan dicukupkan keperluan”. (*Muqaddimah Tuhfah al-Ahwazi*, hlm. 86)

Syuruh al-Bukhari

Kitab *Sahih al-Bukhari* ini telah disyarahkan oleh ramai ulama-ulama besar. Antaranya seperti:

1. *I‘lam al-Sunan fi Syarh Sahih al-Bukhari* (إعلام السُّنن في شرح صحيح البخاري) atau judul lain (الإعلام بشرح ما أشكل في البخاري على الأفهام) oleh Imam Abu Sulayman Hamd bin Muhammad bin Ibrahim al-Khattabi (w. 388H).
2. *Syawahid al-Tawdih wa al-Tashih* (شواهد التوضيح والتصحيح) oleh Imam Jamal al-Din Muhammad bin ‘Abd Allah bin Malik al-Nahwi yang lebih dikenali dengan Ibn Malik (w. 672H).
3. *Al-Kawakib al-Durari fi Syarh Sahih al-Bukhari* (الكواكب الدُّراري في شرح صحيح البخاري) oleh Imam Muhammad bin Yusuf bin ‘Ali al-Baghdadi lebih dikenali dengan Syams al-Din al-Kirmani (w. 786H).
4. *Al-Tanqih li Alfaz al-Jami‘ al-Sahih* (التنقيح لألفاظ الجامع الصحيح) oleh Imam Muhammad bin ‘Abd Allah bin Bahadur al-Misri al-Syafi’i yang lebih dikenali sebagai al-Zarkasyi (w. 794H).
5. *al-Lami‘ al-Sabih ‘ala al-Jami‘ al-Sahih* (اللامع الصبيح على الجامع الصحيح) oleh Imam Muhammad bin ‘Abd al-Da’im bin Musa al-Birmawi (w. 831H).
6. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (فتح الباري شرح صحيح البخاري) oleh al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad bin Hajar al-‘Asqalani (w. 852H).

---

[23] No. 1 – 12 daripada: Dr. Muhammad bin ‘Azuz (2007), *Sur‘ah al-Qira’ah wa al-Sabr ‘ala al-Sama‘*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

[24] Lihat kitab *al-Manhaj as-Sawiyy Syarh Usul Tariqah as-Sadah Al Ba-'Alawi* karangan al-'Allamah al-Habib Sayyid Zain bin Ibrahim bin Sumait al-Husaini, hlm. 149.

7. *'Umdah al-Qari Syarh Sahih al-Bukhari* (عُمدة القاري شرح صحيح البخاري) oleh al-Imam Badr al-Din Mahmud bin Muhammad Badr al-'Ayni (w. 856H).
8. *Al-Tawsyih 'ala al-Jami' al-Sahih* (التوشيح على الجامع الصحيح) oleh al-Hafiz Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr al-Suyuti (w. 911H).
9. *Irsyad al-Sari ila Syarh Sahih al-Bukhari* (إرشاد السَّاري إلى شرح صحيح البخاري) oleh Imam Abu al-'Abbas Syihab al-Din Ahmad bin Muhammad al-Khatib al-Qastallani (w. 923H).
10. *Fayd al-Bari 'ala Sahih al-Bukhari* (فيض الباري على صحيح البخاري) oleh Maulana Syeikh Muhammad Anwar Syah al-Kasymiri (w. 1352H).
11. *Lami' al-Darari 'ala Sahih al-Bukhari* (لامع الدراري على صحيح البخاري) oleh Maulana Syeikh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (w. 1402H).
12. *Al-Salsabil al-Jari fi Syarh Sahih al-Bukhari* (السلسبيل الجاري في شرح صحيح البخاري) oleh Syeikh Dr. Musa Syahin Lasyin (w. 1430H).
13. *Kasyf al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari* (كشف الباري شرح صحيح البخاري) oleh Maulana Syeikh Muhammad Salim Allah Khan.
14. *Fayd al-Bari fi Syarh Sahih al-Bukhari* (فيض الباري في شرح صحيح البخاري) oleh Prof. Dr. Ahmad 'Umar Hasyim, tetapi beliau belum menyempurnakannya.

Kitab *Sahih al-Bukhari* merupakan kitab yang paling banyak disyarahkan oleh para ulama. Ia merupakan kitab yang paling banyak diberi tumpuan oleh para ulama berbanding kitab-kitab hadis yang lain. Sehingga kini terdapat lebih daripada 130 buah kitab syarah dan ulasan terhadap *Sahih al-Bukhari*. Pernyataan dan maklumat tentang khidmat-khidmat para ulama terhadap *Sahih al-Bukhari* ini dapat dirujuk kepada kitab (إتحاف القاري بمعرفة جهود وأعمال العلماء على صحيح البخاري) oleh Syeikh Muhammad 'Isam al-Husaini yang telah merekodkan sebanyak 375 buah kitab.[25]

وصلى الله على سيدنا مُحَّد وعلى آله وأصحابه أجمعين،

والحمد لله رب العالمين.

[25] Cetakan Dar al-Yamamah, Dimasyq (1407H).